

KEGAGALAN PERALATAN DAN PRESTASI MERUDUM DI KALANGAN PEMANAH

¹Mohamad Azmi Nias Ahmad, ²Kamarul Hisyam Kamaruzzaman, ³Junaidah Jamaluddin dan
⁴Faizan Abd Jabar

¹*Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, Malaysia*
azminias@gmail.com

²*Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR/Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal JPS Malaysia*
KamarulHisyam.jkr@1govuc.gov.my

³*Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, Malaysia*
junaidah_jamal@uitm.edu.my

⁴*Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, Malaysia*
faizan@uitm.edu.my

Abstrak: Memanah adalah sebuah sukan yang telah diletakkan sebagai salah satu dari sukan teras negara Malaysia. Sukan memanah diyakini mampu menghasilkan pingat emas Olimpik untuk negara. Program dan latihan yang rapi telah dijalankan bagi mencapai matlamat menghasilkan pingat emas Olimpik ini. Kegagalan peralatan memanah adalah risiko yang berpotensi menghalang pencapaian matlamat tersebut. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami sejauhmana kegagalan peralatan memberi kesan kepada pemanah di samping mengumpul perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan kegagalan peralatan memanah. Oleh itu, kajian ini menggunakan Teori Kemujaraban Diri untuk menerangkan kesan yang dialami oleh pemanah yang pernah berhadapan dengan kegagalan peralatan memanah. Di samping itu, kajian ini juga melihat bagaimana mitigasi terhadap kegagalan peralatan memanah boleh dilakukan. Kajian ini mendapati pemanah yang menghadapi kegagalan peralatan memanah akan mengambil masa untuk kembali ke prestasi asal.

Kata kunci: kegagalan peralatan; memanah; Teori Kemujaraban Diri

Pengenalan

Kajian ini melihat perkara yang berkaitan dengan kegagalan peralatan memanah yang dialami oleh pemanah yang pernah mewakili negeri dan seterusnya negara. Bekas pemanah negeri dan negara dipilih sebagai responden kajian ini kerana penghasilan data dari maklumat yang mereka berikan boleh menghasilkan model yang tepat kerana mereka telah melalui proses yang menyeluruh dalam kemahiran memanah.

Hubungkait antara prestasi sebelum dan selepas kegagalan peralatan telah dikaji. Bekas pemanah negeri dan negara dipilih sebagai responden kerana maklumat yang diperolehi untuk dijadikan data perlu datang dari seseorang yang berkemahiran dalam bidang tersebut dan mengalami sendiri pengalaman berkenaan. Bekas pemanah negeri dan negara juga telah melalui latihan yang ketat sebelum berjaya mewakili negeri apatah lagi negara. Pengalaman ini membuatkan maklumat yang diperolehi adalah mantap.

Permasalahan Kajian

Menurut Ashaari (2002), semua kemudahan dan peralatan sukan hendaklah diselenggara dengan baik. Saranan ini yang kurang diberi perhatian menjadi punca utama berlakunya kegagalan peralatan. Saranan ini perlu dijadikan budaya sebagai langkah pencegahan sebelum berlakunya kegagalan peralatan. Walaupun kegagalan peralatan memanah tidak dapat dielakkan tetapi kegagalan peralatan memanah boleh dibendung dengan penyelenggaraan yang betul. Kerosakan mampu dikesan lebih awal dengan menyelenggara peralatan secara rutin. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Presiden Gabungan Guru Besar Malaysia, Muhammad Mustapha melalui laporan Utusan Malaysia pada 15 Mac 2000 yang menegaskan pemeriksaan ke atas peralatan sukan di sekolah perlu lebih kerap bagi memastikan ianya sentiasa selamat digunakan.

Kegagalan peralatan sukan boleh mengakibatkan kecederaan kepada atlet, mengakibatkan kekalahan dalam pertandingan dan memberi kesan kepada psikologi. Jurulatih juga boleh dikenakan tindakan undang-undang atas dasar kecuaiannya akibat dari kegagalan peralatan.

Kajian ini secara dasarnya ingin mengetahui secara mendalam perkara yang berkaitan dengan kegagalan peralatan memanah. Menurut Creswell (2009), tujuan pernyataan bagi kajian kualitatif adalah lebih bersifat kepada penerokaan ataupun memahami mengenai idea sesuatu fenomena secara mendalam berbanding dengan membuat perbandingan ataupun hubungan sesuatu pembolehubah sepertimana kajian kuantitatif. Oleh yang demikian, kajian kualitatif adalah lebih sesuai bagi mendapatkan hasil yang tepat dalam kajian ini.

Kajian ini telah berjaya mendapatkan jawapan bagaimana kegagalan peralatan memanah berlaku serta kesan terhadap atlet memanah. Data yang diperolehi dari para atlet ini telah menghasilkan model perkara berkaitan kegagalan peralatan memanah. Model ini boleh dijadikan rujukan bagi memahami tentang kegagalan peralatan memanah supaya kegagalan peralatan memanah diberi perhatian yang serius dan langkah-langkah awal pencegahan diambil sebelum kejadian berlaku.

Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting bagi memberi kesedaran terutama kepada para atlet dan jurulatih memanah bahawa kegagalan peralatan memanah berupaya dicegah dengan membudayakan penyelenggaraan yang kerap. Kajian ini juga dilihat dapat membantu bidang sains sukan dalam memahami perkara yang berkaitan dengan kegagalan peralatan memanah. Kajian ini akan mengisi jurang literatur akademik dengan menambahkan satu lagi pengetahuan dalam perkara berkaitan kegagalan peralatan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui perkara yang berkaitan dengan kegagalan peralatan memanah dan bagaimanakah kegagalan peralatan memanah boleh berlaku. Model perkara berkaitan kegagalan peralatan memanah telah dihasilkan melalui maklumat dari kajian ini supaya kegagalan peralatan memanah boleh difahami dan dicegah. Antara objektif kajian ini adalah:-

1. Untuk mengetahui bila kegagalan peralatan memanah selalunya berlaku.
2. Untuk mengetahui bagaimana kegagalan peralatan memanah terjadi.
3. Untuk mengetahui punca kegagalan peralatan memanah boleh berlaku.
4. Untuk mengetahui keadaan pemanah semasa dan selepas menghadapi kegagalan peralatan memanah.
5. Untuk mengetahui berapa lama masa yang diperlukan oleh pemanah untuk kembali seperti sediakala.
6. Untuk mengetahui bagaimana kegagalan peralatan memanah boleh diatasi atau dikawal.
7. Untuk menghasilkan model perkara berkaitan kegagalan peralatan memanah.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang telah diketengahkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:-

1. Bilakah kegagalan peralatan memanah ini berlaku?
2. Bagaimanakah kegagalan peralatan memanah ini boleh berlaku?
3. Mengapakah kegagalan peralatan memanah ini boleh berlaku?
4. Bagaimanakah keadaan pemanah semasa dan selepas kegagalan peralatan memanah?
5. Berapa lamakah pemanah mengambil masa untuk mengembalikan keyakinan terhadap peralatan memanah kepunyaan mereka selepas berlakunya kegagalan peralatan memanah?
6. Bagaimanakah kegagalan peralatan memanah boleh diatasi atau dikawal?

Limitasi Kajian

Tempoh yang diberikan untuk melengkapkan kajian ini adalah selama tiga bulan. Tempoh ini adalah sangat singkat bagi memantapkan hasil penemuan. Semasa kajian ini dijalankan, Sukan Malaysia hampir berlangsung. Pemanah yang mewakili negeri agak keberatan berkongsi maklumat kerana kegagalan peralatan memanah dikhuatiri dianggap sebagai kelemahan pengurusan pasukan. Kajian berkaitan kegagalan peralatan memanah adalah merupakan kajian baru. Oleh yang demikian, kajian lepas sukar diperolehi untuk dijadikan rujukan.

Sorotan Literatur

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kegagalan peralatan didefinisikan sebagai kerosakan perkakasan yang menghalang tugas dijalankan dengan sempurna atau menimbulkan kelakuan sistem yang tidak diduga, manakala memanah pula didefinisikan sebagai melancarkan anak panah, menuju sesuatu dengan anak panah atau melepaskan anak panah. Oleh yang demikian, definisi *Kegagalan Peralatan Memanah* adalah kerosakan yang berkaitan dengan busar, aksesori atau perkakasan yang digunakan oleh atlet sukan memanah dalam latihan, pertandingan atau semasa proses penyimpanan. Kegagalan peralatan memanah biasanya berlaku semasa peralatan sedang digunakan sama ada semasa sedang menjalani latihan atau sedang bertanding. Sangat jarang kegagalan peralatan memanah berlaku semasa peralatan memanah sedang disimpan atau semasa tidak digunakan.

Kelemahan dalam pengurusan alatan sukan adalah merupakan salah satu punca kegagalan peralatan di mana pihak pengurusan tidak menjalankan penyelenggaraan berkala. Kebanyakan pengurus lebih mempraktikkan penyelenggaraan tidak berkala. Penyelenggaraan tidak berkala adalah penyelenggaraan yang tidak terancang. Penyelenggaraan ini dijalankan tanpa sebarang perancangan awal. Peralatan hanya akan diselenggara atau dibaiki apabila kegagalan peralatan berlaku.

Ketidakpedulian dan ketidakpekaan pemanah terhadap perubahan yang berlaku kepada peralatan memanah yang digunakan adalah juga merupakan punca kegagalan peralatan memanah. Pemanah perlu peka dengan melakukan penyelenggaraan mencegah supaya risiko kegagalan peralatan memanah boleh dikurangkan. Peralatan yang terlalu lama tersimpan tanpa diguna juga merupakan antara penyebab peralatan memanah rosak semasa digunakan.

Risiko kegagalan peralatan memanah boleh dikurangkan dengan melakukan penyelenggaraan yang terancang seperti pemeriksaan terhadap peralatan sebelum digunakan dan selepas digunakan. Risiko juga boleh dikurangkan dengan menyimpan peralatan memanah di tempat yang sesuai, selesa dan selamat. Sebagai contoh, di negara Malaysia busar memanah adalah tidak sesuai disimpan di tempat yang sejuk kerana busar akan digunakan dalam cuaca yang panas. Perubahan suhu yang mendadak yang dialami oleh busar akan melemahkan busar dan berupaya mengakibatkan keretakan kepada busar. Pemanah juga perlu bertindak segera memeriksa busar sekiranya merasakan terdapat sesuatu yang tidak kena semasa menggunakan busar. Pemanah juga perlu memaklumkan kepada jurulatih berkaitan perubahan rasa tersebut supaya jurulatih dapat membuat pemeriksaan terhadap busar dan seterusnya membaiki kerosakan jika wujud.

Tema Kesan Kegagalan Peralatan Memanah - Kemujaraban Diri

Bandura (1977) menyatakan kemujaraban diri adalah keyakinan terhadap kemampuan seseorang untuk berjaya mencapai sesuatu. Mengikut Teori Kemujaraban Diri, secara umumnya seseorang hanya akan mencuba sesuatu yang dipercayai mampu dilakukan dan tidak akan mencuba sesuatu yang mereka percaya akan gagal. Boyd dan Vozikis (1994) menerangkan kemujaraban diri sebagai kepercayaan seseorang dengan keupayaannya untuk melaksanakan tugas yang diberikan secara efektif dan efisien. Kemujaraban diri memberi kesan kepada kepercayaan seseorang sama ada matlamat tertentu boleh dicapai atau tidak. Pilihan, cita-cita, usaha dan ketabahan dalam menghadapi semua rintangan adalah dipengaruhi oleh persepsi diri sendiri tentang keupayaan diri. Jika tingkah laku tertentu dilihat sebagai di luar kemampuan, seseorang itu tidak akan bertindak walaupun terdapat permintaan sosial untuk tingkah laku tersebut.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Townsend et al. (2010) mendapati bahawa keyakinan seseorang terhadap kebolehnya untuk melaksanakan tugas-tugas berkaitan adalah faktor penting keputusan seseorang untuk memulakan tindakan. Faktor motivasi menggalakkan lagi kepercayaan seseorang terhadap kebolehnya memulakan tindakan.

Kegagalan peralatan boleh membantutkan peningkatan kemujaraban diri kerana kepercayaan dalam kemampuan melakukan panahan terbaik akan terganggu akibat kegagalan peralatan.

1. Memakan Masa Untuk Kembali Normal

Pemanah akan memerlukan masa untuk kembali kepada prestasi asal setelah pembaikan peralatan memanah dilakukan. Ini adalah kerana pemanah perlu masa bagi menyesuaikan diri dengan peralatan yang baru dibuat penetapan. Hal ini selaras dengan penemuan Boyd & Vozikis (1994) yang menyatakan kemujaraban diri diperolehi daripada pengalaman menguasai.

2. Kalah Pertandingan

Menurut undang-undang pertandingan rujukan 3.2.4.2, 12.2.6 dan 24.6 yang ditetapkan oleh Persekutuan Memanah Dunia, pemanah berkemungkinan besar kalah dalam perlawanan akibat kegagalan peralatan sekiranya peralatan tidak dapat dibaiki dalam masa yang ditetapkan atau tidak mempunyai busur simpanan. Menurut Jones et al. (2003), jurulatih perlu memainkan peranan memotivasikan pemanah dari semasa ke semasa untuk mengadaptasi kekalahan ini supaya tidak berputus asa dengan kegagalan peralatan ini. Tan (1991) menyatakan pembolehubah psikologi terdiri daripada faktor motivasi kepada pencapaian termasuk pengambil risiko. Jurulatih perlu kreatif dalam menangani atlet yang kecewa kerana berhadapan kekalahan akibat kegagalan peralatan.

3. Kecederaan

Menurut Lesslley (2002), kecederaan boleh berlaku akibat dari kegagalan peralatan kerana semasa kegagalan peralatan berlaku, keadaan tersebut berada di luar kawalan. Faktor ini dikategorikan sebagai faktor ekstrinsik. Kesan dari kegagalan peralatan juga tidak boleh dijangka. Oleh yang demikian, bagi sukan memanah pemakaian peralatan keselamatan seperti pengawal lengan atau pengawal dada adalah penting bagi mencegah kecederaan.

4. Sasaran Panik

Mengikut penemuan Ahmad et al. (2014), antara punca sasaran panik atau '*target panic*' adalah dari kegagalan peralatan memanah. Pemanah akan trauma selepas berlaku kegagalan peralatan memanah terutama sekiranya kegagalan peralatan memanah tersebut berlaku semasa pertandingan. Catatan mata pemanah akan turun dan akan mengambil masa untuk pulih. Jurulatih perlu mempunyai kesabaran dan ketabahan yang tinggi dalam proses pemulihan pemanah yang diserang sasaran panik.

Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif kerana:-

- i. Sesuatu perkara dapat difahami kerana dikaji secara mendalam (Creswell, 2009).
- ii. Membantu mendapat maklumat secara empirikal (Meriam, 2009).
- iii. Berkesan bagi membantu untuk memahami sesuatu situasi yang tidak jelas dan mengelirukan (Eisner, 1991).
- iv. Mampu menjawab persoalan kenapa dan bagaimana serta menerangkan sesuatu fenomena semasa yang sukar diselidiki melalui kajian kuantitatif (Merriam, 1998).

Kajian ini dilakukan bagi mencari kesan akibat berlakunya kegagalan peralatan memanah. Rekabentuk kajian yang sesuai bagi kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kajian kes kerana melibatkan analisis yang mendalam terhadap sesuatu kes atau beberapa siri kes untuk mencari penjelasan penuh dan mendalam tentang fenomena yang diselidiki (Yin, 1994). Kajian kes merupakan penyiasatan fenomena dalam konteks kehidupan nyata dengan menggunakan sumber bukti berasaskan temubual.

Kaedah Pemilihan Sampel Responden

Pengkaji mengenali beberapa bekas pemanah kebangsaan yang merupakan bekas pelatih pengkaji sebagai responden. Pengkaji juga akan meminta bantuan responden untuk mendapatkan responden yang bersesuaian. Proses ini dikenali sebagai '*snowball*' yang diterjemah sebagai bola salji di mana seorang peserta yang dipilih akan memberi petunjuk kepada peserta seterusnya berdasar pandangan Othman (2007). Matlamat kajian kualitatif adalah mengumpul data secara mendalam walau hanya melibatkan beberapa individu sahaja. Kajian kualitatif akan dihentikan apabila mencapai tahap tepu berkaitan tema-tema kajian. Menurut Patton (2005), saiz sampel minimum sesebuah kajian kualitatif bergantung kepada liputan yang dijangka munasabah untuk melihat fenomena yang dikaji. Oleh itu, kajian ini tidak dapat menghadkan berapa jumlah responden tetapi dihentikan apabila keseragaman tema-tema ditemui.

Kaedah Pengumpulan Data

Temubual adalah teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini sesuai dengan pendapat Merriam (1998). Temubual akan dilakukan secara formal dan tidak formal dengan tujuan keadaan

menjadi lebih fleksibel tanpa sebarang tekanan kepada responden supaya lebih maklumat dapat diperolehi bertepatan dengan cadangan Kirk & Miller (1986).

Pengkaji akan membuat lawatan terlebih dahulu ke kediaman responden untuk berkenalan dan bersemuka dengan mereka. Lawatan ini adalah bagi mendapatkan maklumat asas tentang biodata responden. Pengkaji akan mendapatkan persetujuan temujanji dengan responden berkaitan tarikh, masa dan lokasi untuk menjalankan temubual secara formal dengan responden tersebut.

Temubual secara formal direkodkan dengan menggunakan alat perakam suara dan buku catatan lapangan. Manakala temubual secara tidak formal dilakukan secara mengejut tanpa temujanji bagi memberi peluang kepada responden memberi pendapat secara terbuka tanpa rakaman perakam suara. Teknik temubual secara bersemuka dipilih dalam kajian ini kerana sesuai dengan latar belakang yang memerlukan penjelasan lanjut ke atas kesan kegagalan peralatan yang dialami oleh responden.

Pengkaji menyediakan transkrip dalam bentuk teks daripada temubual yang direkodkan. Pengkaji seterusnya mengemukakan transkrip temubual ini kepada responden berkenaan untuk pengesahan apa yang ditulis adalah sama dengan pendapat sebenar dan tepat seperti yang diberitahu oleh responden.

Pengkaji merancang terlebih dahulu soalan temubual supaya rakaman suara dapat dibuat dengan lancar. Pembinaan soalan adalah berdasarkan kepada tema-tema yang terlibat dalam kajian ini yang difokuskan kepada kenapa dan bagaimana kegagalan peralatan memanah ini berlaku.

Pada peringkat pelaksanaan temubual, pengkaji memperkenalkan diri, tujuan temubual dijalankan, menyatakan temubual tidak melibatkan rahsia peribadi dan responden boleh bertanya kepada pengkaji jika soalan tidak jelas. Pengkaji cuba mengurangkan perasaan curiga responden dengan menerangkan secara lebih lanjut berkenaan matlamat kajian dan kepentingan kajian untuk dijadikan rujukan pemanah dan bidang sains sukan khususnya serta bagi tujuan tesis Kursus Sains Sukan Tahap 3. Pengkaji cuba mengurangkan jurang status dengan responden kerana pengkaji adalah merupakan Ketua Jurulatih Memanah Negeri Kelantan dan Jurutera Profesional dengan Sijil Amalan bagi pihak kerajaan yang bertugas di Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia di mana temubual telah menggunakan dialek Kelantan bagi menimbulkan keselesaan komunikasi antara pengkaji dengan responden yang merupakan orang Kelantan. Ini juga bagi membolehkan maklumat sepenuhnya dapat diperolehi dari responden. Semasa temubual diadakan, pengkaji telah menjaga sahsiah diri dari segi pakaian dan etika supaya memudahkan responden memberikan pendapat tanpa memikirkan perbezaan status.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina menggunakan Teori Kemujaraban Diri bagi melihat kenapa dan bagaimana kegagalan peralatan memanah memberi kesan kepada pemanah. Teori Kemujaraban Diri diperkenalkan oleh Albert Bandura dan rakan-rakannya (Bandura, 1982; Ozer & Bandura, 1990; dan Bandura, 2001) untuk menjelaskan kepelbagaian individu dalam mencapai matlamat tertentu (Drnovsek et al., 2010). Kemujaraban diri ditakrifkan sebagai kepercayaan seseorang terhadap keupayaan mereka untuk berjaya mencapai matlamat hasil daripada tindakan mereka sendiri (Bandura, 1977). Teori Kemujaraban Diri melibatkan empat sumber iaitu penguasaan pengalaman, pembelajaran melalui pemerhatian pada model, pujukan sosial dan pertimbangan psikologi individu itu sendiri. Kerangka konseptual kajian ini melibatkan satu daripada empat sumber Teori Kemujaraban Diri iaitu penguasaan pengalaman.

Kemahiran dalam melakukan panahan tepat yang konsisten adalah hasil dari latihan yang betul. Latihan yang betul dan kejayaan dalam pertandingan adalah merupakan pengalaman menguasai. Pengalaman menguasai ini akan meningkatkan kemujaraban diri pemanah. Hasil dari meningkatnya kemujaraban diri, pemanah akan menghasilkan panahan yang tepat secara konsisten. Maklumat berkaitan kegagalan peralatan memanah dikumpul bagi melihat bagaimana ianya memberi kesan terhadap konsep asal ini. Ini adalah merupakan kerangka konseptual kajian.

Beberapa perkara telah ditentukan dalam melaksanakan kajian kes ini iaitu unit analisis, responden dan lokasi kajian. Kriteria penting yang perlu ditentukan dalam menggunakan pendekatan kajian kes adalah unit analisis. Menurut Creswell (2008), unit analisis kajian kes adalah perkara yang dianalisis seperti berkenaan individu, program, proses ataupun perbandingan di antara kumpulan atau organisasi. Ini dikukuhkan lagi dari kenyataan Bexter dan Jack (2008) iaitu penentuan unit analisis adalah sangat penting dalam penyelidikan bersifat kajian kes bagi memastikan pengkajian dilakukan dalam konteks

fenomena tersebut. Dalam kajian ini, unit analisis adalah bekas pemanah negeri atau negara yang pernah mengalami kegagalan peralatan memanah.

Penganalisisan Data

Data kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti yang berupaya menganalisis data secara pendekatan kualitatif sepertimana NVIVO. Perisian ATLAS.ti 7 dipilih kerana kosnya yang murah berbanding NVIVO. Kaedah analisis ini sesuai dengan cadangan Suria & Marohaini (2011) supaya menggunakan CAQDAS iaitu *Computer Aided Qualitative Data Analysis* yang merujuk kepada perisian komputer bagi menganalisa data kualitatif.

Pengkaji mengkategorikan soalan berkaitan tema supaya boleh dibezakan dalam tematik. Kaedah ini membantu pengkaji menangkap isi-isi penting dalam analisis. Kaedah tematik ini juga membantu pengkaji melihat kemungkinan terdapat hubungan antara tema tersebut. Kaedah ini bersesuaian dengan cadangan Krippendorff (2004). Data kajian kemudian dianalisa menggunakan teknik pattern matching. Pattern matching adalah satu teknik yang mana membandingkan dua bentuk bagi menentukan sama ada wujudnya persamaan ataupun perbezaan. Bagi bentuk yang hasilnya mempunyai persamaan bermakna ia adalah *confirmation of the hypothesis* tetapi jika berbeza, ia bermakna *disconfirmation of the hypothesis*. *Pattern* adalah berdasarkan teori atau kajian literatur yang mana dibandingkan dengan bentuk baru yang terhasil melalui analisis data. Oleh itu bentuk baru yang dikategori sebagai *disconfirmation of the hypothesis* dianggap sebagai penemuan baru dalam kajian ini.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Noraini (2010) menyatakan terdapat dua jenis kesahan dalam kajian kualitatif iaitu kesahan dalaman dan kesahan luaran. Kesahan dalaman adalah kesesuaian keputusan kajian berbanding dengan kenyataan sebenar yang biasanya didasarkan melalui pemerhatian dan temubual. Kekuatan sebenar kajian kualitatif adalah bergantung kepada bagaimana pengkaji dapat melihat kenyataan sebenar sebagai kesahan dalaman. Kenyataan ini disokong oleh Zahir (2007) yang menyatakan kesahan dalaman ialah sejauh mana perkaitan pembolehubah itu dapat dipastikan.

Bagi meningkatkan darjah kesahan, kajian ini menggunakan teknik semakan anggota (*Member Checking*) iaitu pengkaji berkongsi bersama-sama dengan pemberi maklumat mengenai interpretasi data dan mengesahkan maklumat yang diberikan. Pengesahan transkrip temubual daripada orang yang ditemubual adalah penting bagi memastikan apa yang ditulis oleh pengkaji adalah sama dengan pendapat sebenar atau tepat seperti yang diberitahu oleh orang yang ditemubual. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teknik kesahan konstruk (*Construct Validity*) iaitu dengan cara beberapa kali penyelidik hadir ke rumah orang yang ditemubual bagi memerhati dan mengesahkan maklumat. Ini bagi meningkatkan lagi kesahan terhadap bekas pemanah yang dikaji itu. Hal ini disokong oleh Merriam (2009) yang mencadangkan pengkaji membuat pemerhatian beberapa kali terhadap responden yang dikaji bagi meningkatkan darjah kesahan. Kaedah ini dikenali sebagai penglibatan yang mencukupi atau memadai dalam pengumpulan data (*Adequate engagement in data collection*).

Menurut Zahir (2007), kesahan luaran adalah aspek yang melibatkan sejauhmana data itu dapat dipanjangkan (*Transferability*) pada populasi dan dalam konteks yang berbeza-beza. Jadi kesahan luaran adalah merujuk kepada kebenaran anggaran kesimpulan yang melibatkan generalisasi. Menurut Shutterworth (2009), para pengkaji akan mengambil masa yang lama untuk membuktikan bahawa keputusan mereka mewakili populasi yang menyeluruh di dalam populasi yang sebenar. Populasi dalam kajian ini adalah pemanah yang pernah mengalami kegagalan peralatan memanah. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji berpendapat memadai dengan kesahan dalaman terlebih dahulu. Kesahan luaran dicadangkan dilakukan dalam kajian seterusnya dengan menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan populasi yang lebih besar hasil dari penemuan kajian ini.

Manakala menurut Yin (2014), kebolehpercayaan bagi kajian kes adalah berkaitan keseragaman prosedur agar memperolehi dapatan kajian sama walaupun dilakukan oleh pengkaji lain kemudiannya. Ini kerana kebolehpercayaan merupakan masalah dalam kajian sains sosial kerana perilaku manusia adalah tidak sama dan pendapat seseorang adalah berbeza antara satu sama lain. Bagi mengatasi masalah ini, data dan maklumat kajian hendaklah konsisten. Bagi mematuhi kebolehpercayaan ini, pengkaji menyediakan fail bagi setiap responden dengan memasukkan transkrip temubual, catatan

tangan dan rakaman suara bentuk CD dalam format MP3. Pengkaji juga merekodkan segala prosedur yang digunakan sepanjang kajian ini.

Hasil Kajian Berdasarkan Objektif dan Hipotesis Kajian

Pengkaji menganalisa enam temubual responden yang merupakan bekas pemanah kebangsaan dan negeri. Mereka terdiri daripada enam bekas pemanah yang pernah mengalami kegagalan peralatan memanah. Jadual 1 adalah butiran tentang latar belakang jantina, umur, kategori memanah, tahun mula memanah dan tahap.

Kod Pemanah	Jantina	Umur	Kategori	Tahun Mula Memanah	Tahap
1R	Wanita	23	Recurve	2007	Negara
2R	Lelaki	25	Recurve	2006	Negara
3R	Lelaki	25	Compound	2006	Negeri
4R	Lelaki	25	Recurve	2006	Negeri
5R	Lelaki	30	Recurve	2002	Negara
6R	Wanita	25	Compound	2006	Negara

Jadual 1 : Demografi pemanah yang ditemubual

Sebagaimana yang dinyatakan di Jadual 1, terdapat empat responden lelaki dan dua responden wanita yang ditemubual. Tahap umur responden adalah belia iaitu antara 23 tahun hingga 30 tahun. Menurut Dasar Pembangunan Belia Negara (1997), belia ialah mereka yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun (Kementerian Belia dan Sukan [KBS], 1997). Kategori memanah responden dipecahkan kepada empat *recurve* dan dua *compound*. Tahap tertinggi yang pernah dicapai oleh responden ini adalah empat pernah mewakili negara dan dua pernah mewakili negeri.

Kesemua responden yang ditemubual pernah mengalami kegagalan peralatan memanah. Empat responden mengalami kegagalan peralatan memanah semasa latihan, manakala dua responden mengalami kegagalan peralatan memanah semasa pertandingan. Jadual 2 menjelaskan saat ketika dan tempat kegagalan peralatan berlaku bagi setiap responden.

Kod Pemanah	Tempat berlaku	Ketika Kegagalan	Peralatan yang rosak	Tempat
1R	Latihan Pusat	Selepas Panahan Dilakukan	<i>Stabilizer</i>	Pusat Latihan Negeri (PLN)
2R	Latihan Pusat	Panahan Sedang Dilakukan	<i>Limb</i>	Pusat Latihan Negeri (PLN)
3R	Pertandingan	Panahan Sedang Dilakukan	<i>Plunger Button</i>	Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Kelantan (MSSK)
4R	Latihan Pusat	Panahan Sedang Dilakukan	<i>String</i>	Pusat Latihan Negeri (PLN)
5R	Pertandingan	Panahan Sedang Dilakukan	<i>Fletcher</i>	Sukan Malaysia
6R	Latihan Pusat	Panahan Sedang Dilakukan	<i>String</i>	Pusat Latihan Negeri (PLN)

Jadual 2 : Ketika dan Tempat Kegagalan Peralatan Memanah Berlaku

Responden 1 menyatakan kegagalan peralatan memanah berlaku semasa beliau melepaskan anak panah. Keseluruhan alat pengimbang tercabut jatuh ke tanah. Busar Responden 2 telah patah pada bahagian '*limb*' semasa busar sedang ditarik. Responden 3 berhadapan dengan kerosakan '*plunger button*' busar dilepaskan. Responden 4 mengalami kegagalan peralatan yang sama dengan Responden 6 di mana tali busar putus semasa tali sedang ditarik. Manakala anak panah Responden 5 mengalami kerosakan semasa anak panah sedang menuju ke sasaran. Jadual 2 juga menunjukkan kesemua responden menyatakan kegagalan peralatan berlaku semasa busar sedang digunakan.

Kesemua responden menyatakan kegagalan peralatan ini berlaku kerana mereka tidak cakna dengan perkara berkaitan penyelenggaraan dan penjagaan peralatan memanah.

Petikan temubual dengan Responden 2 : “Err... mungkin sebab masa saya sebelum *shoot* tu saya tak *check condition* saya punya *limb* dan semua peralatan-peralatan saya tu lah” (R2, B10).

Kesemua responden menyatakan bahawa mereka terkejut semasa kegagalan peralatan berlaku dan menjadi tidak yakin dengan kebolehfungsian busar seperti sediakala selepas kegagalan berlaku.

Petikan temubual dengan Responden 4 : “Umm... semasa *tournament* tu saya rasa cemas lah sebab bila nak *shoot* balik kena cari *string* lain. Lepas tu nak serasi balik dengan *string*... aa.. apa *string bar* putus. Jadi lepas... selepas kegagalan tu, saya kena cari balik lah umm... *rhythm* nak *shoot* tu... aa... nak cari balik kesesuaian *string* baru tu” (R4, B12).

Kesemua responden menyatakan mereka mengambil masa yang agak lama untuk kembali yakin dengan kebolehfungsian peralatan memanah selepas pembaikan dilakukan terhadap peralatan memanah yang mengalami kegagalan.

Petikan temubual dengan Responden 1 : “Err... lama jugak, dalam masa setahun jugak nak kembalikan keyakinan terhadap hmm *equipment* baru kan” (R1, B17).

Kesemua responden menyatakan kegagalan peralatan boleh diatasi atau dikawal dengan cakna terhadap sebarang perubahan dan rasa busar. Jika merasai sebarang perubahan dan rasa yang berlainan dari biasa pada busar, perlu segera periksa atau beritahu jurulatih tentang kelainan tersebut.

Petikan temubual dengan Responden 3 : “Dia boleh diatasi kiro mace sebelum benda tu nak jadi, dia akan raso benda hok tok keno, benda lain, benda mace pelek-pelek sikit. Biloe kito raso benda tu, kito kena cepat-cepat rujuk kepada *coach* apa perlu *dheck*, apa perlu nak buat selepas tu” (R3, B20).

Kesemua responden juga menyatakan kegagalan peralatan memanah boleh dikawal dengan penyelenggaraan peralatan memanah dengan kerap, pemeriksaan yang kerap dan penyimpanan peralatan memanah ditempat yang sesuai.

Petikan temubual dengan Responden 5 : “Bagi saya, sebelum gi *game* tu kita *check*. Macam tali, kita buat tali baru. *Limb* tu *check* la *crack* tak *crack*. Cara penyimpanan *limb* tu masa kita *packing* nak gi *game* tu simpan dalam dia punya *cover* dia, letak elok-elok. Peralatan lain pun kena susun elok-elok sebelum gi *game* tu” (R5, B25).

Rumusan dan Perbincangan

Hasil dapatan temubual, kesemua enam responden menyatakan bahawa kegagalan peralatan memanah berlaku semasa peralatan tersebut sedang digunakan. Kegagalan peralatan semasa sedang digunakan boleh mengakibatkan risiko kecederaan. Berita kecederaan yang tersebar juga akan mengakibatkan sukan memanah dipandang berisiko untuk diceburi. Ibu bapa akan menjadi kurang berminat untuk menggalakkan anak-anak mereka terlibat di dalam sukan ini mengakibatkan sukan memanah kekurangan atlet. Kekurangan atlet seterusnya akan mengakibatkan kekurangan pemanah yang berkualiti kerana kurangnya persaingan.

Objektif Kajian 2 : Mengetahui bagaimana terjadinya kegagalan peralatan memanah.

Responden 1 menyatakan kegagalan peralatan memanah beliau diakibatkan oleh pengimbang yang tercabut. Responden 2 dan 5 kegagalan diakibatkan oleh patahnya ‘*limb*’. Responden 3 berhadapan dengan ‘*plunger button*’ pecah. Manakala responden 4, 5 dan 6 kegagalan peralatan mereka diakibatkan oleh tali yang putus.

Dari hasil temubual, boleh dirumuskan bahawa aksesori peralatan memanah yang gagal tidak dapat dijangka. Walaubagaimanapun, boleh disimpulkan bahawa tali dan ‘*limb*’ mempunyai risiko yang tinggi untuk rosak. Jadi aksesori ini perlu diperiksa dengan kerap.

Objektif Kajian 3 : Mengetahui punca berlakunya kegagalan peralatan memanah.

Kesemua responden menyatakan bahawa punca kegagalan peralatan memanah adalah akibat dari tiadanya kesedaran tentang penyelenggaraan peralatan memanah. Mereka tidak memeriksa peralatan memanah setiap kali sebelum digunakan.

Objektif Kajian 4 : Mengetahui kesan kepada pemanah semasa dan selepas kegagalan peralatan memanah berlaku.

Responden 1, 2 dan 5 terkejut semasa kegagalan peralatan berlaku. Responden 3 berasa berdebar, Responden 4 berasa cemas dan Responden 6 berasa panik.

Selepas kegagalan peralatan memanah, Responden 1 merasa kecewa. Responden 2, 5 dan 6 menjadi hilang keyakinan, Responden 3 tidak dapat meneruskan panahan seperti biasa dan Responden 4 merasakan semua perkara menjadi serba tidak kena.

Dapatan ini membuktikan kegagalan peralatan telah memberi kesan terhadap kemujaraban diri kesemua pemanah ini. Kemujaraban diri pemanah ini merosot. Dapatan ini selari dengan Boyd & Vozikis (1994) yang menyatakan hasil akan mempengaruhi tahap kemujaraban diri seseorang. Hasil dari kegagalan peralatan menyebabkan kegagalan dalam panahan. Hasil dari kegagalan panahan mengakibatkan kemerosotan tahap kemujaraban diri.

Objektif Kajian 5 : Mengetahui berapa lama masa yang diperlukan oleh pemanah untuk kembali seperti sedia kala.

Responden 1 menyatakan beliau mengambil masa selama setahun untuk kembalikan kualiti panahan seperti asal. Responden 2 mengambil masa dua bulan, Responden 4 sehingga tamat satu acara, Responden 5 selama seminggu dan Responden 6 mengambil masa dua minggu. Manakala Responden 3 menyatakan beliau tidak dapat kembali kepada kualiti panahan asal dan berputus asa. Jurulatih telah menukar kategori beliau daripada *recurve* kepada *compound*.

Dapatan ini boleh dirumuskan bahawa pemanah memerlukan masa untuk pulih seperti asal selepas kegagalan peralatan berlaku. Keadaan ini mempengaruhi proses pengalaman menguasai dalam Teori Kemujaraban Diri. Proses pengalaman menguasai menjadi berulang-ulang akibat kegagalan peralatan. Ini akan menyebabkan pemanah mengambil masa untuk meningkat berbanding dengan pemanah yang tidak pernah menghadapi kegagalan peralatan memanah. Berkemungkinan pemanah akan kecewa dengan keadaan ini kerana telah ditinggalkan oleh rakan-rakan yang sebaya dalam pengalaman memanah dari segi pencapaian. Keadaan ini boleh mengakibatkan pemanah bertindak berhenti memanah. Tindakan ini akan merugikan semua pihak terutama dari segi masa dan wang.

Objektif Kajian 6 : Mengetahui cara mengatasi atau mengawal kegagalan peralatan memanah.

Kesemua responden menyatakan bahawa kegagalan peralatan memanah boleh diatasi atau dikawal. Responden 1, 2, 4, 5 dan 6 menyarankan setiap pemanah mesti mengambil tahu berkaitan alat memanah masing-masing dengan memeriksa sekerap mungkin terutama sebelum menggunakan peralatan. Bagi Responden 3, beliau menyatakan sekiranya pemanah merasa kelainan terhadap peralatan semasa menggunakannya, pemanah perlu segera memberitahu jurulatih untuk pemeriksaan.

Sebagai kesimpulan, kegagalan peralatan memanah boleh dicegah dengan kaedah penyelenggaraan yang betul. Pemanah perlu peka sekiranya berlaku perubahan yang dirasai mengenai peralatan memanah. Pemanah juga perlu prihatin tentang penjagaan peralatan memanah dengan melakukan penyelenggaraan berkala dan pemeriksaan yang kerap terhadap peralatan.

Objektif Kajian 7 : Menghasilkan model perkara berkaitan kegagalan peralatan memanah.

Berdasarkan tema-tema yang dikaji, kajian ini mencadangkan satu '*Quadratic Model*' yang dinamakan Model Perkara Yang Berkaitan Kegagalan Peralatan Memanah. Antara tema-tema yang dijumpai dalam kajian ini dan membentuk model ialah punca, kesan, mitigasi dan saat berlaku.



Rajah 1 : Model Perkara Yang Berkaitan Kegagalan Peralatan Memanah

Teori yang dijadikan kerangka konseptual kajian adalah Teori Kemujaraban diri. Dalam tema kajian ini, kemujaraban diri diletakkan sebagai sub tema di bawah tema kesan kegagalan peralatan memanah. Perkaitan kesan kegagalan peralatan memanah terhadap kemujaraban diri seseorang pemanah diilustrasikan seperti Rajah 2 di bawah.



Rajah 2 : Pusingan Proses Pengalaman Menguasai

Implikasi Kajian

Kajian ini telah menyumbang kepada dua perkara utama iaitu pengetahuan dan praktikal. Sumbangan kepada pengetahuan melibatkan pembentukan model perkara yang berkaitan dengan kegagalan peralatan memanah dan metodologi kajian. Sumbangan kepada praktikal adalah penemuan kegagalan peralatan memberi kesan terhadap kemerosotan kemujaraban diri yang mengakibatkan proses pengalaman menguasai menjadi berulang-ulang. Pemanah terpaksa menempuh proses ini setiap kali kegagalan peralatan memanah berlaku. Ini adalah merupakan antara punca prestasi pemanah lambat meningkat.

Hasil kajian ini berupaya mengelak sebarang kemalangan dari berlaku dengan memberi peringatan kepada pemanah dan jurulatih tentang keperluan peka terhadap peralatan dengan menukar peralatan sebelum rosak. Kekalahan akibat dari kegagalan peralatan juga boleh dihindari. Prestasi pemanah dapat dikekalkan dan tanpa kegagalan peralatan, momentum peningkatan prestasi pemanah tidak terganggu. Jurulatih boleh memberi perhatian kepada perkara lain dalam meningkatkan prestasi pemanah. Hasil kajian juga boleh dijadikan rujukan akademik dan berupaya mengurangkan jurang literatur.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini telah mengenalpasti perkara yang berkaitan dengan kegagalan peralatan memanah dan kesan kegagalan peralatan memanah terhadap pemanah. Adalah didapati kegagalan peralatan memanah menyumbang kepada terbantutnya peningkatan prestasi pemanah. Pemanah perlu membiasakan diri dengan peralatan yang telah dibaiki selepas kegagalan peralatan memanah. Setiap pemanah memerlukan masa yang berlainan untuk membiasakan diri dengan peralatan yang baru dibaiki. Ada pemanah yang mengambil masa tidak lama dan ada yang mengambil masa sehingga setahun. Ini bergantung kepada tempoh pemulihan kemujaraban diri masing-masing.

Cadangan Kajian Lanjutan

Pengkaji mencadangkan agar kajian akan datang dapat memberi tumpuan kepada kesan kegagalan peralatan memanah terhadap peralatan memanah itu sendiri. Hal ini kerana, sekiranya kegagalan peralatan memanah yang berlaku boleh memberi kesan kepada peralatan itu sendiri, hal ini akan memberi kesan kepada prestasi pemanah. Berkemungkinan pemanah akan berhadapan dengan kegagalan peralatan yang lebih besar yang boleh mendatangkan kecederaan kepada pemanah. Penggunaan peralatan yang luarannya nampak masih elok tetapi mempunyai kerosakan di bahagian dalam peralatan memanah itu akan menjejaskan prestasi pemanah walau pemanah tersebut merupakan pemanah yang berprestasi tinggi.

RUJUKAN

- Ahmad, M.A.N., Linoby, A.F.L.R., Kamaruzzaman, K.H., & A.Jalil, M.Z. (2014). Adakah 'Target Panik' menyebabkan prestasi merudum di kalangan pemanah? *ESTEEM Academic Journal*, 10(2), 56-65
- Ahmad, M.A.N., Saeri, A.S.A.H., & Asmi, N.S.M. (2016). Melatih pemanah university. UiTM Cawangan Pahang, Bandar Jengka: JAPENA UiTM Cawangan Pahang.
- Ashaari, O (2002). Pengurusan sukan. Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Bandura, A. (1977). Self-Efficacy: Toward a unifying theory of behavioural change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.
- Baxter, P., & Jack, S. (2008). Qualitative case study methodology : Study design and implementation for novice researchers. *The Qualitative Report*, 13(4), 544-559.
- Boyd, N. G., & Vozikis, G. S. (1994). The Influence of Self-Efficacy On The Development of Entrepreneurial Intentions And Actions. *Entrepreneurship Theory and Practice*. 18, 63-77.
- Cresswell, J. W. (2008). *Educational research : Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd ed.). Malaysia: Pearson.
- Cresswell, J. W. (2009). *Research design : Qualitative, quantitative, mixed methods approaches* (4th ed.): Sage Publication, Incorporated.
- Eisner, E. W. (1991). *The enlightened eye : Qualitative inquiry and the enhancement of education practice*. FITA Constitution and Rules
- Kegagalan Peralatan. (2017, Ogos 15). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Retrieved 07:02, November 14, 2017 from <https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=KegagalanPeralatan&oldid=4105150>
- Memanah. (2016, Julai 27). Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Retrieved 17:04, November 14, 2017 from <https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Memanah&oldid=3848229>.
- Kirk, J., & Miller, M. L. (1986). *Reliability and validity in quantitative research*: Sage Publication.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (2nd ed.). Thousand Oaks, C.A. : Sage.
- Merriam, S. (1998). *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco, C.A. : Jossey-Bass
- Merriam, S. (2009). *Qualitative research : A guide to designer and implementation* (2nd ed.). San Francisco, C.A. : Jossey-Bass.
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan dalam kualitatif*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Othman, L. (2007). *Penyelidikan kualitatif : Pengenalalan kepada teori dan metod*. . Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.
- Patton, M. Q. (2005). *Qualitative research*: John Wiley & Son, Ltd.
- Perkamusan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahagian Kamus (1984). *Kamus dewan : Dewan Bahasa dan Pustaka*.

- Shutterworth, M. (2009). External validity is one of the most difficult of the validity types to archive, and is at the foundation of every good experimental design. Retrieved November 15, 2017, from www.experiment-resources.com/external-validity.html
- Sport Science Notes Level III, Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK), Akademi Kejurulatihan Kebangsaan.
- Suria, B., & Marohaini, Y. (2011). 2nd International conference on Computer-Aided Qualitative Research Asia. In Nvivo as a tool for rigor and efficacy in qualitative research.
- Utusan Malaysia (2000) Peralatan sukan... periksa secara berjadual. Retrieved March 15, 2000, from www.utusan.com.my.
- Yaacob, M. R. (2012). Usahawan Dan Keusahawanan Kitar Semula. Kota Bharu, Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Yin, R. K. (1994). Case study research design and methods (2nd ed.). Beverly Hills, C.A. : Sage Publication.
- Yin, R. K. (2014). Case Study research : Design and methods (3rd ed.). Thousand Oaks, C.A.: Sage.
- Zahir, Z. (2007). Kesahan dan kebolehppercayaan. Retrived November 15, 2017, from <http://zahirzainudin.blogspot.my/2007/2012/kesahan-dan-kebolehppercayaan.html>.